



TERMA DAN SYARAT
PERTANDINGAN VIDEO KREATIF MADANI SEMPENA MAJLIS TILAWAH DAN
HAFAZAN AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN (MTHQK) 1446H/2025M

MAKLUMAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan Video Kreatif Madani Sempena Majlis Tilawah & Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2025M merupakan anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
2. Pertandingan ini bermula **10 hingga 25 April 2025**. Video hendaklah dimuatnaik **selewatlewatnya jam 5.00 petang pada 25 April 2025**.
3. Penyertaan pertandingan adalah peserta perlu memuat naik video yang dihasilkan menerusi salah satu media sosial Facebook, Instagram, atau Tiktok dan *Tag* Media Sosial JAKIM (myjakim) pada video yang dihasilkan. *Copywriting* video **hendaklah** disertakan **SEMUA** hashtag berikut:
 - i. #PertandinganVideoKreatifMTHQK2025 ii.
 - #MyQuranVibes2025 iii. #JakimUntukUmmah
 - iv. #IslamMekarDiBumiMalaysia v. #MADANI

*Peserta pertandingan **hendaklah** menetapkan akaun media sosial kepada **tetapan public**

4. Pemenang pertandingan ini akan diumumkan pada **2 Mei 2025 (Jumaat)** menerusi Media Sosial Rasmi JAKIM.

KELAYAKAN PENYERTAAN

5. Pertandingan Video Kreatif Madani Sempena Majlis Tilawah & Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2025M dilaksanakan secara :

KATEGORI TERBUKA

Had Umur	17 tahun ke atas
----------	------------------

Terma Dan Syarat
Pertandingan Pertandingan Video Kreatif
Madani Sempena Majlis Tilawah Al Quran
Peringkat Kebangsaan Tahun
1446H/2025M

6. Pertandingan boleh disertai sama ada secara **individu atau berkumpulan**. Penyertaan secara **berkumpulan** hendaklah **tidak melebihi 4 orang** bagi satu kumpulan.
7. Peserta pertandingan hendaklah **warganegara Malaysia dan terbuka kepada Muslim dan bukan Muslim**.
8. Penyertaan adalah **percuma**.

KONSEP PERTANDINGAN

9. Konsep pertandingan adalah Menggambarkan **kecintaan kepada al-Quran** dengan tema **menghidupkan suasana al-Quran (*MyQuranVibes*)**

KANDUNGAN VIDEO

10. Video hendaklah **dihadilkan oleh idea asal dan kreativiti peserta** serta **tidak melanggar hak cipta** yang pernah diterbitkan oleh mana-mana pihak.
11. Video yang **pernah menyertai atau memenangi pertandingan** yang dianjurkan oleh mana-mana pihak **tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini**.
12. Kandungan video hendaklah menampilkan jalan cerita yang **menyemai rasa cinta, penghormatan, dan keterikatan jiwa terhadap al-Quran** serta mengangkat martabatnya sebagai pedoman hidup umat Islam.
13. Penggunaan **maklumat berkaitan Islam, al-Quran dan hadis** hendaklah menggunakan sumber rujukan yang sahih dan tepat.
14. Penyertaan video yang mengandungi **percanggahan akidah, ajaran sesat, penghinaan agama, sensitiviti perkauman, LGBT, liberalisme atau mana-mana unsur yang tidak sesuai akan ditolak**.
15. Setiap pelakon Muslim di dalam video **hendaklah berpakaian yang mematuhi syariah**. Manakala bagi **bukan Muslim** pula hendaklah **berpakaian sopan, bersesuaian dan tidak mencolok mata**.
16. Muzik dan suara latar yang digunakan hendaklah bebas royalti. Pengajur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan akibat pelanggaran hak cipta.

FORMAT VIDEO

17. Video yang dihasilkan hendaklah berdurasi **tidak melebihi 3 minit**.
18. *Aspect ratio video* hendaklah 9:16 dengan resolusi tidak kurang daripada 1080HD.

PENYERTAAN YANG DITOLAK:

19. Video yang direka menggunakan teknologi A.I secara keseluruhan (dijana secara automatik).
20. Menggunakan video / audio daripada hasil kerja orang lain tanpa kebenaran (copyright).

KRITERIA PENGHAKIMAN:

21. Kepatuhan kepada Tema dan Nilai Agama

Menilai sejauh mana kandungan video mengikut tema kecintaan kepada al-Quran dan mengekalkan nilai-nilai agama yang luhur dalam penyampaian mesej.

22. Kualiti dan Keaslian Idea Kandungan

Menghargai kreativiti dan keunikan idea yang diketengahkan, serta sejauh mana kandungan menyentuh hati penonton dalam mengangkat kecintaan terhadap al-Quran.

23. Teknik Persembahan yang Menarik dan Komprehensif

Menilai cara penyampaian yang menarik dan berkesan dalam menyampaikan mesej tentang al-Quran, serta keterkaitan antara elemen visual dan naratif yang digunakan.

24. Teknik Penggayaan yang Kreatif

Menghargai penggunaan teknik penggayaan yang kreatif, termasuk dalam aspek suntingan, kesan khas, pemilihan props, pakaian, dan kesan audio yang bersesuaian dengan tema al-Quran.

HAK CIPTA

25. Peserta pertandingan ini bersetuju sekiranya terpilih sebagai pemenang, peserta/pemenang membenarkan:
- i. JAKIM menggunakan video tersebut bagi tujuan promosi di dalam mana-mana saluran JAKIM sama ada sebelum, semasa dan selepas pertandingan; dan
 - ii. JAKIM membuat suntingan terhadap video penyertaan bagi apa-apa tujuan promosi.

HADIAH

26. Hadiah pertandingan adalah seperti berikut:

KATEGORI TERBUKA	
Johan	RM1,500.00
Tempat Kedua	RM1,000.00
Tempat Ketiga	RM 500.00

KEPUTUSAN PEMENANG

27. Keputusan pemenang yang telah dipilih oleh juri adalah muktamad. Sebarang pertikaian, bantahan dan rayuan tidak akan dilayan.
28. Peserta yang dipilih oleh juri hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.

LAIN-LAIN

29. Peserta bersetuju untuk terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam ini dan segala keputusan yang dibuat oleh pihak JAKIM berkaitan dengan pertandingan ini.
30. JAKIM berhak menolak dan/atau membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang melanggar terma dan syarat.
31. JAKIM berhak meminda, mengubah dan/atau memansuhkan terma dan syarat ini atau melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan pertandingan ini, pada bila-bila masa, atas budi bicara penuh dan mutlaknya. Apa-apa perubahan boleh dimaklumkan melalui kaedah yang dianggap sesuai oleh JAKIM, tidak terhad kepada pemberitahuan di portal JAKIM (www.islam.gov.my) atau platform media sosial JAKIM.
32. Peserta hendaklah menanggung rugi pihak JAKIM sekiranya terdapat apa-apa tindakan, tuntutan, prosiding, kerugian, kos (termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh), caj dan/atau perbelanjaan yang mungkin dibuat oleh pihak ketiga terhadap JAKIM berhubung tuntutan hak cipta atau lain-lain perkara berkaitan dengan video penyertaan yang diterima oleh JAKIM daripada peserta (sekiranya berkenaan).

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan / keterangan lanjut, sila hubungi:

Sekretariat

Pertandingan Video Kreatif Madani Sempena Majlis Tilawah & Hafazan Al Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2025M

Whatsapp : 03-8870 7000

Emel : ukkjakim@islam.gov.my

Web : <http://www.islam.gov.my>

<Tamat>